

24 FEB 2003

NAM-Bermula/I

SIDANG KEMUNCACK NAM KE-13 BERMULA

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 bermula di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini kira-kira pukul 10 pagi ini.

Sejumlah 31 ketua negara dan 32 ketua kerajaan menghadiri sidang kemuncak dua hari bertemakan "Meneruskan Penyuburan Semula NAM."

Mereka termasuk Presiden Afrika Selatan Thabo M. Mbeki, Presiden Afghanistan Abdul Hamid Karzai, Presiden Cuba Fidel Castro, Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee, Presiden Iran Sayyed Mohammad Khatami dan Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri.

NAM mengandungi 114 negara dari Afrika Selatan, Asia, Eropah dan Amerika Latin serta wilayah Caribbean. Timor Leste dan St Vincent and Grenadines akan diterima secara rasmi sebagai anggota baru pergerakan berkenaan pada persidangan ini.

Mbeki, pengerusi NAM sekarang mengisytiharkan pembukaan sidang kemuncak itu diikuti dengan meminta hadir bertafakur seketika bagi mengenang pemimpin-pemimpin terdahulu.

Selepas itu, beliau membentangkan laporan mengenai kemajuan pergerakan berkenaan dari September 1998 hingga Februari 2003 sebelum menyerahkan jawatan pengerusi sidang kemuncak sekarang kepada Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan sulungnya sebelum wakil-wakil dari Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan keempat-empat wilayah berucap pada sidang kemuncak itu, diikuti dengan perbahasan umum.

Sidang kemuncak NAM dijangka akan mengeluarkan Dokumen Akhir, Deklarasi Kuala Lumpur, Pernyataan mengenai Iraq dan Pernyataan mengenai Palestin.

Dokumen berkenaan akan memberikan tumpuan kepada kedudukan NAM dalam pelbagai isu manakala deklarasi itu pula berkaitan penyuburan semula pergerakan berkenaan.

Pernyataan yang akan dikeluarkan kelak merupakan pendirian perkumpulan itu masing-masing berkaitan Iraq dan Palestin.

-- BERNAMA

JM ROS